

Persatuan Memanah Selangor

No 2-59, Kajang Perdana Avenue, Jalan Perdana Avenue, Kajang Perdana, 43000 Kajang, Selangor



SELANGORARCHERY@GMAIL.COM



[HTTPS://M.FACEBOOK.COM/SELANGORARCHERYSELAR](https://m.facebook.com/selangorarcheryselar)



Rujuk : SELAR-026/034

Tarikh : 05 FEBRUARI 2026

Presiden / Pengerusi / Setiausaha
Kelab dan Persatuan Memanah

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS SIRI 1/2026

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Persatuan Memanah Selangor (SELAR) dan Persatuan Memanah Daerah Hulu Langat (HLA) sebagai penganjur bersama, dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM), akan menganjurkan KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS SIRI 1/2026, mengikut tentatif seperti berikut:

- a. Tempat : SK Saujana Impian (SBT), Kajang, Selangor.
- b. Tarikh Kejohanan : 04 dan 05 April 2026.

3. Bersama ini dilampirkan maklumat kejohanan untuk makluman dan perhatian pihak YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan.

4. Sehubungan dengan ini, pihak Persatuan menjemput pasukan memanah YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan, untuk menyertai kejohanan peringkat akar umbi dan sebagai persediaan untuk menghadapi Kejohanan Memanah MSS Peringkat Daerah dan Negeri.

5. Besar harapan kami agar pasukan memanah YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan, dapat bersama-sama memeriahkan dan meraikan pemanah-pemanah remaja dan cilik di kejohanan ini. Kerjasama dan sokongan YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan, amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang menjalankan amanah,

MUHAMAD AFFENDY BIN JAMALUDIN

Setiausaha Kehormat

Persatuan Memanah Selangor (SELAR)



KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS SIRI 1, 2026

04 & 05 APRIL 2026

SK SAUJANA IMPIAN (SBT) KAJANG, SELANGOR



KEJOHANAN MEMANAH SELANGOR JUNIORS SIRI 1, 2026

- Anjuran : Persatuan Memanah Selangor
: Persatuan Memanah Daerah Hulu Langat
- Dengan kerjasama : Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)
: Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)

TARIKH-TARIKH PENTING

- Tarikh mula pendaftaran MAREOS : **15 FEBRUARI 2026**
- Tarikh akhir pendaftaran MAREOS : **26 MAC 2026** atau tempat dipenuhi, yang mana lebih dahulu.
- Mesyuarat Pengurus Pasukan (Online) : **01 APRIL 2026**
- Tarikh Kejohanan : **04 & 05 APRIL 2026**

TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

- Lokasi : **SK SAUJANA IMPIAN (SBT), KAJANG, SELANGOR**

• Sabtu, 04 April 2026	Recurve dan Compound Bawah 12 Tahun	
	0700	Pendaftaran dan Pemeriksaan Peralatan
	0800	Latihan Rasmi
	0830	Distance 1
	1030	Distance 2
	Recurve Bawah 15 dan 18 Tahun, Compound Bawah 18 Tahun	
	1300	Pendaftaran dan Pemeriksaan Peralatan
	1400	Latihan Rasmi
• Ahad, 05 April 2026	1430	Distance 1
	1630	Distance 2
	Recurve dan Compound Bawah 12 Tahun	
	0800	Latihan Rasmi
	0830	Distance 3
	1030	Distance 4
	1200	Penyampaian Hadiah
	Recurve Bawah 15 dan 18 Tahun, Compound Bawah 18 Tahun	
	1400	Latihan Rasmi
	1430	Distance 3
	1630	Distance 4
	1800	Penyampaian Hadiah

PENDAFTARAN

- Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS).
- Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.
- Yuran Pendaftaran : Atlet - **RM 130.00 + Tshirt kejohanan**
: Pengurus / Jurulatih - **RM 40.00 tanpa Tshirt**
- **RM 70.00 + Tshirt**


KATEGORI



Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

- Recurve Lelaki bawah 12 tahun (umur 12 tahun dan ke bawah) **RU12B**
- Recurve Wanita bawah 12 tahun (umur 12 tahun dan ke bawah) **RU12G**
- Compound Lelaki bawah 12 tahun (umur 12 tahun dan ke bawah) **CM12**
- Compound Wanita bawah 12 tahun (umur 12 tahun dan ke bawah) **CW12**
- Recurve Lelaki bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) **RU15B**
- Recurve Wanita bawah 15 tahun (umur dari 13 hingga 15 tahun) **RU15G**
- Recurve Lelaki bawah 18 tahun (umur dari 16 hingga 18 tahun) **RM18**
- Recurve Wanita bawah 18 tahun (umur dari 16 hingga 18 tahun) **RW18**
- Compound Lelaki bawah 18 tahun (umur dari 13 hingga 18 tahun) **CM18**
- Compound Wanita bawah 18 tahun (umur dari 13 hingga 18 tahun) **CW18**

FORMAT PERTANDINGAN

Format dan jarak yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

RECURVE U12	RECURVE U15	RECURVE U18	COMPOUND U18 & U12
Distance 1 : 40m Distance 2 : 30m	Distance 1 : 60m Distance 2 : 50m	Distance 1 : 70m Distance 2 : 60m	Distance 1 : U18 - 50m U12 – 30m Distance 2 : U18 - 50m U12 – 30m
			
Target Face 122 cm	Target Face 122 cm	Target Face 122 cm	Target Face 80 cm 6 Rings

RECURVE U12	RECURVE U15	RECURVE U18	COMPOUND U18 & U12
Distance 3 : 25m Distance 4 : 20m	Distance 3 : 40m Distance 4 : 30m	Distance 3 : 50m Distance 4 : 30m	Distance 3 : U18 - 30m U12 – 20m Distance 4 : U18 - 30m U12 – 20m
			
Target Face 80 cm 6 Rings	Target Face 80 cm 6 Rings	Target Face 80 cm 6 Rings	Target Face 80 cm 6 Rings
SETIAP DISTANCE : 36 ARROWS (6 ENDS : 6 ARROWS SETIAP END) JUMLAH 144 ARROWS UNTUK 4 DISTANCES MASA (TIMING) :180 SAAT UNTUK SETIAP END			

T-SHIRT KEJOHANAN

- Yuran kejohanan untuk atlet adalah termasuk sehelai T-shirt Kejohanan. Carta saiz adalah seperti berikut:

ROUNDNECK

POLO

ADULT

Size	2XS	XS	S	M	L	XL	2XL	3XL	4XL	5XL	6XL	7XL
Chest	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28
Body	24	25	26	27	28	29	30	31	32	33	34	35
Short Sleeve	7	8	8	9	9	9	10	10	11	11	12	12
Long Sleeve	20	21	22	23	23	24	25	25	26	26	27	27

* Measurement are presented in inch.

*All measurement above subject to +/- 1 inches tolerance.

- Yuran untuk Pengurus / Jurulatih diberi opsyen samada tanpa Tshirt (RM 40.00) atau dengan Tshirt (RM 70.00).
- Sila nyatakan saiz Tshirt semasa pendaftaran di MAREOS.**
- Tshirt akan diserahkan sebelum kejohanan bermula.

PERATURAN

- Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia.
- Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.
- Kejadian di luar dugaan dan sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery.
- Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejuaraan adalah muktamad.
- Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).
- Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.
- Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

PINGAT KEJOHANAN

- Pingat akan disediakan kepada pemenang-pemenang seperti berikut:

KATEGORI	PERTAMA	KE-2	KE-3	KE-4 HINGGA 10
• RECURVE U12 BOYS	1	1	1	7
• RECURVE U12 GIRLS	1	1	1	7
• RECURVE U15 BOYS	1	1	1	7
• RECURVE U15 GIRLS	1	1	1	7
• RECURVE U18 BOYS	1	1	1	7
• RECURVE U18 GIRLS	1	1	1	7
• COMPOUND U12 BOYS	1	1	1	7
• COMPOUND U12 GIRLS	1	1	1	7
• COMPOUND U18 BOYS	1	1	1	7
• COMPOUND U18 GIRLS	1	1	1	7

GANTI RUGI

- Persatuan Memanah Selangor dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/tempat pertandingan/ rumah.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Nama : 1. Puan Lynn (012-6324920)
2. Puan Hjh Wan Noorimah (011-27243021)
Melalui pesanan WHATSAPP SAHAJA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

